

TAKUT LUAHKAN RASA CINTA

Siswi dapat rasakan si dia ada perasaan sama tapi enggan berterus terang



Saya menyukai seseorang dalam tempoh lama iaitu sejak kami belajar di peringkat diploma hingga kini apabila melanjutkan pengajian ijazah sarjana muda di institusi sama. Perhubungan kami begitu mesra, baik dan saling memerlukan antara satu sama lain.

Saya sedar perasaan ini bukanlah biasa tapi turut wujud rasa rindu dan cemburu jika melihat dia berbual dengan rakan perempuan lain. Saya cuba menafikan perasaan tapi ternyata memang menyukainya. Cara tingkah laku dan sikapnya membuatkan saya senang apabila bekerjasama dan bersahabat dengannya.

Menerusi usikan rakan, saya mendapati dia juga seperti menyimpan perasaan terhadap saya. Namun saya sedar dia pemalu dan tidak mahu berterus terang. Saya berasa takut meluahkan perasaan padahal rakan yang lain mencadangkan untuk berbuat demikian.

**SEGAN
Melaka**

Meluahkan perasaan terpendam yang berkaitan dengan cinta adalah sukar buat segelintir orang. Ia bukan hanya dipengaruhi faktor dalaman seseorang bahkan membabitkan faktor persekitaran dan budaya.

Dalam masyarakat Melayu tradisional, budaya dan adat resam itu menjadi benteng kuat dalam pembentukan tingkah laku seseorang individu. Faktor sosial budaya penduduk setempat menjadi garis panduan buat masyarakat Timur. Namun faktor budaya ini sudah mengalami perubahan arus pemodenan hingga beberapa hal membabitkan



budaya menjadi lebih terbuka dan matang.

Dalam isu ini, saya memikirkan perasaan takut untuk meluahkan perasaan terhadap rakan itu disebabkan beberapa faktor sejagat. Antaranya risau jika hasrat hati ditolak. Jika anda meluahkan perasaan terhadapnya namun ditolak, ia adalah risiko yang perlu ditanggung dengan pertimbangan emosi sendiri. Perasaan malu dan menyesal mungkin muncul jika anda tidak bersedia dengan sebarang kemungkinan.

Selain itu, terdapat juga stigma yang negatif berkenaan kesediaan perempuan untuk memulakan perhubungan yang serius. Ia dikaitkan dengan istilah perigi mencari timba. Jika anda benar-benar berasakan satu keperluan untuk mendapatkan jawapan daripadanya, stigma itu perlu dibuang. Namun perlu diingat risikonya tetap ada. Sifat malu itu perlu dijaga sebaik mungkin dan anda harus bersedia.

Jika anda ragu-ragu dan masih takut meluahkan perasaan, peranan orang tengah mungkin dapat membantu. Saya

percaya anda mempunyai beberapa orang rakan yang turut menyedari hal ini. Sama ada ia dikongsikan anda atau mereka saja meneka. Apa pun situasinya bukanlah menjadi hal kerana anda sudah mempunyai petanda siapakah yang boleh dijadikan orang tengah. Sebaiknya pilihlah seseorang yang anda percaya dan yakin dapat membantu. Selidik dahulu rakan yang bagaimana sesuai dijadikan orang tengah. Kemudian minta bantuannya.

Anda juga boleh cuba mendekati diri dengan rakan lelaki itu dengan cara bertanya khabar, bekerjasama jika berkaitan dan mengambil berat. Anda juga boleh menyelidik tingkah lakunya secara perlahan-lahan supaya lebih mengenali dirinya. Perhubungan yang kekal juga bermula dengan persahabatan. Berikanlah diri anda peluang untuk mengenalinya dengan lebih baik menerusi cara bersahabat terlebih dulu. Persahabatan ini tidak sama dengan perhubungan sedia ada, ia lebih kepada prihatin, peka dan menunjukkan

sikap ambil berat. Secara tidak langsung ia mungkin dapat memberikan sedikit gambaran atau getaran positif dalam perhubungan itu.

Cara lain yang dapat membantu adalah dengan menuliskan surat atau perluhan perasaan secara bersahaja dan penuh keikhlasan. Anda boleh menyatakan tujuan sebenar surat itu dan tidak terlalu mendesak untuk memberikan jawapan. Siapa sangka jika perluhan itu sebenarnya yang dinantikan olehnya. Jika sekalipun dia mungkin memberikan respon sebaliknya, anda sudah melakukan hal yang benar. Beri ruang kepada diri untuk meluahkan perasaan dan mendapatkan jawapan daripadanya. Selagi anda tidak berani meluahkannya, selama itulah anda masih bertekateki dengan perasaan sendiri.

Istiqamah dan tawakal terhadap Allah atas segala tindakan yang ingin dilakukan. Mohon petunjuk dan hidayah-Nya supaya keputusan dibuat adalah di bawah lindungan-Nya. Semoga dapat membantu.